

Putrajaya

10 dilantik Duta Besar Malaysia

Seramai 10 Ketua Perwakilan Malaysia yang baru menerima Watikah Pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V di Istana Negara, semalam.

Kementerian Luar dalam kenyataan berkata, majlis penyampaian berkenaan turut dihadiri Timbalan Menteri Luar Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Menurutnya, antara duta dilantik ialah Zainal Abidin Bakar yang bakal menjadi Duta Besar Malaysia ke Sepanyol, Syed Md Hasrin Tengku Hussin @ Syed Hussin (Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu), Datuk Rustam Yahaya (Duta Be-

sar Malaysia ke Republik Islam Iran), Cheong Loon Lai (Duta Besar Malaysia ke Hungary) dan Datuk Hidayat Abdul Hamid (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India).

“Selain itu, Ketua Perwakilan Malaysia yang lain termasuk Anizan @ Siti Hajar Adnin sebagai Duta Besar Malaysia ke Republik Ireland, Mohd Aini Atan (Duta Besar Malaysia ke Laos), Syed Mohamad Bakri Syed Abdul Rahman (Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan), Datuk Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak (Duta Besar Malaysia ke Argentina) dan Agus Salim Yusof (Duta Besar Malaysia ke Bahrain),” katanya.